

# Pulau Pinang kekal pengeksport utama

**Kuala Lumpur:** Lima negeri iaitu Pulau Pinang, Johor, Selangor, Sarawak dan Kuala Lumpur menjadi pengeksport utama pada Mei 2023 dengan menyumbang sebanyak 82.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia bagi tempoh tersebut, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam kenyataan Stistik Import Mengikut Negeri Mei 2023 semalam, ia berkata jumlah eksport negara bagi bulan itu mencecah RM223.8 bilion dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM119.6 bilion dan RM104.2 bilion.

Pulau Pinang mengekalkan kedudukan sebagai pengeksport utama dengan menyumbang 29.0 peratus dan diikuti oleh Johor (21.1 peratus); Selangor (18.5 peratus); Sarawak (8.1 peratus) dan

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (5.8 peratus).

Eksport susut 0.7 peratus atau RM884.4 juta (-0.7%) berbanding bulan sama pada 2022 manakala import turun 3.3 peratus bagi tahun ke tahun atau RM3.6 bilion.

Kebanyakan negeri mencatatkan eksport lebih rendah termasuk Pulau Pinang (-RM2.4 bilion); Sabah (-RM1.1 bilion); Sarawak (-RM942.2 juta); Pahang (-RM742.7 juta); Labuan (-RM594.2 juta); Terengganu (-RM394.3 juta); Perak (-RM156.3 juta) dan Johor (-RM71.0 juta).

Namun, nilai eksport meningkat di Selangor iaitu RM2.0 bilion; Kuala Lumpur (+RM1.3 bilion); Kedah (+RM1.0 bilion); Negeri Sembilan (+RM423.4 juta); Melaka (+RM324.1 juta); Kelantan (+RM273.0 juta) dan Perlis (+RM3.5 juta).